

TARIKH	SELASA, 29 NOVEMBER 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	INOVASI PALM FIBER TERIMA ANUGERAH
M/S	38
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	SCIENCE AND TECHNOLOGY

Inovasi Palm Fiber terima anugerah

PETALING JAYA – Hasil inovasi syarikat Palm Fiber memproses batang kelapa sawit yang telah dibebaskan untuk dijadikan produk hiliran lain telah membuahkan hasil apabila syarikat telah diiktiraf dan terpilih memenangi Anugerah Enterprise E50 tahun 2022.

Syarikat Palm Fiber yang beroperasi di Seri Kembangan itu telah menggunakan teknologi moden untuk memproses batang kelapa sawit bagi mendapatkan serat daripada batang pokok komoditi bernilai itu menjadi makanan tambahan dan bahan campuran produk bukan makanan.

Pengarah Urusannya, Mohd. Suhaidi Jaapar berkata, penyelidikan terhadap batang kelapa sawit telah dimulakan sejak tahun 2014 untuk memfokuskan kepada segmen produk hiliran.

"Buat masa ini, sangat sedikit

kajian terhadap kelebihan batang kelapa sawit, oleh itu, kami telah menjalankan penyelidikan dan kerjasama dengan Fakulti Bioproses Kejuruteraan (Foberg) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor yang diketuai oleh penyelidikinya, Dr. Ida Idayu Muhammad," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena majlis penyampaian Anugerah Enterprise E50 2022 anjuran SME Corp dan juga Deloitte Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Majlis tersebut telah dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Suriani Ahmad; Pengerusi SME Corp, Datuk Seri Syed Hussein Al-Habshee dan Ketua Eksekutif Deloitte Malaysia, Yee Wing Peng serta Pengarah Palm Fiber,

Norazwa Mustapha.

Mengulas lanjut, Norazwa menjelaskan, Palm Fiber adalah pengeluar produk berasaskan serat daripada batang pokok kelapa sawit atau dikenali sebagai Oil Palm Trunk Fibre (OPTF).

Melalui sumber tersebut, syarikat telah berjaya menghasilkan produk makanan tambahan berasaskan kandungan serat yang tinggi.

"Serat batang pokok kelapa sawit diproses dalam bentuk serbuk (teh) dan dijadikan minuman yang mengandungi kadar tinggi serat untuk penjagaan usus dan sistem pencernaan yang baik.

"Bagi kategori bukan makanan pula, OPTF diproses menjadi serbuk dan separa serbuk untuk dijadikan makanan haiwan, bahan pembersihan najis haiwan serta campuran untuk pembungkusan biodegradasi," ujarnya.



SUHAIIDI (kanan) bersama Norazwa selepas menunjukkan anugerah yang diterima syarikat di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM